


PENILAIAN PEMAHAMAN BAHASA MELAYU TAHUN 3(2.1)
MASA : 1 JAM

NAMA: _____ () MARKAH :

KELAS : 3 () TARIKH : 10 Julai 2017

Arahan: Pilih jawapan yang paling tepat.

1.



Kim Ling menamakan kucing kesayangannya _____.

- A. Sang Gagak B. Si Comel
C. Sang Keldai D. Sang Kuda

2. _____ binatang yang garang di dalam hutan.

- A. Sang Kera B. Sang Arnab
C. Si Tompok D. Sang Belang


3. Pilih frasa yang mengandungi **vokal berganding**.

- A. Salad buah-buahan B. Rumah Haikal
C. Memasang khemah D. Menolak troli

4. Pilih frasa yang mengandungi **diftong**.

- A. Rumah Haikal B. Salad buah-buahan
C. Memasang khemah D. Menolak troli

5.



Papan tanda di _____ rekreasi adalah untuk panduan pengunjung.

- A. kedai-kedai B. hutan-hutan
C. taman-taman D. kolam-kolam

6.

KUALA LUMPUR, 10 Julai – Seorang _____ berusia sembilan tahun dimasukkan ke hospital kelmarin kerana terkena renjatan elektrik.

Pilih jawapan yang paling sesuai.

- A. kawan-kawan B. kanak-kanak
C. orang-orang D. pekerja-pekerja

7. Baju yang dipakai oleh bintang filem itu _____ belaka.

- A. kadang-kadang B. kuat-kuat
C. cantik-cantik D. comel-comel

8. "Pegang tangan ibu _____ supaya tidak tersesat," kata ibu kepada Kim Ho.

- A. hampir-hampir B. kuat-kuat
C. erat-erat D. cantik-cantik

9. Kakak Kalang bersolek sebelum menghadiri majlis _____ (kahwin) kawannya.

- A. berkahwin B. perkahwinan
C. mengahwini D. dikahwinkan

10. Kita tidak boleh berebut-rebut semasa menaiki dan _____
(turun) lif dan eskalator.

- A. menuruni
- B. keturunan
- C. menurunkan
- D. diturunkan

11.



Bavani duduk dengan tertib sambil melihat _____ yang
indah sepanjang perjalanan.

- A. perbarisan
- B. pengumuman
- C. pemandangan
- D. perkampungan

12. Pilih ayat dengan penggunaan perkataan berimbuan apitan yang
betul.

- A. Puan Lee memanaskan makanan yang dibeli olehnya
semalam.
- B. Pondok bacaan itu dibina untuk menggunakan penduduk
Taman Harmoni.
- C. Bentuk wau bulan menjadi lambang Sistem Berterbangan
Malaysia(MAS).
- D. Bahan-bahan yang keperluan untuk membuat kolam ikan
ialah batu-bata, simen, batu sungai, pasir dan cat.

13. Kakak Siti telah _____ sepasang baju kurung untuk ibunya.

- A. menjahit
- B. mengoyak
- C. menunggang
- D. menggunting

14. Adik Daren terkejut apabila belon yang ditiup abangnya tiba-tiba


_____.

- A. bertepuk
- B. meletup
- C. mengubah
- D. dibasuh

15. Kim Ling _____ biliknya dengan rajin supaya kelihatan kemas dan bersih.

- A. kemas
- B. dikemas
- C. terkemas
- D. mengemas

16.



Pramugari itu sedang _____ penumpang dengan mesra.

- A. dilayan
- B. layanan
- C. melayan
- D. pelayan

17. Cikgu Lee mengasingkan buku-buku latihan mengikut kelas _____ diserahkan kepada setiap murid.

- A. sambil
- B. padahal
- C. atau
- D. kemudian


18. Sayur-sayuran dan buah-buahan bukan sahaja enak dimakan _____ berkhasiat.

- A. malahan
- B. atau
- C. dan
- D. lalu



19. Su Ling dan keluarganya akan menginap di Pulau Langkawi selama tiga _____ empat hari.

- A. atau
B. kemudian
C. dan
D. serta



20. Puan Hoo masuk ke rumah _____ mengunci pintu.

- A. tetapi
B. malahan
C. sambil
D. lalu

21. Pilih subjek yang sesuai untuk membentuk ayat tunggal.

_____ berlari dengan pantas.

- A. Ular
B. Rama-rama
C. Rusa
D. Kura-kura

22. Padankan rangkai kata di bawah supaya menjadi ayat tunggal.

Kim Ho berhati-hati _____.

- A. menolak troli itu.
B. membeli kamus itu.
C. membersihkan kawasan rumah.
D. bersiar-siar di pantai.

23. Ayat-ayat di bawah ialah ayat majmuk **kecuali**

- A. Kim Ho dan Kim Ling membantu ibu mereka mencari barangan dapur.
B. Pravin berasa sedih digelar kaki bangku kerana dia tidak pandai bermain bola sepak.
C. Posmen itu mengeluarkan surat lalu memasukkannya ke dalam peti surat.
D. Encik Teck Sing bekerja di sebuah syarikat terkenal di Malaysia.

24. _____ harga sebungkus nasi lemak ?

- A. Berapakah
- B. Apakah
- C. Bagaimanakah
- D. Bilakah

25. _____ yang merasmikan Majlis Pelancaran Halaman Rumah Tercantik?

- A. Di manakah
- B. Siapakah
- C. Apakah
- D. Adakah

26. Pilih ayat tanya yang betul berdasarkan jawapan yang diberi.

Gazebo ialah tempat berehat pada masa lapang atau hujung minggu.

- A. Gazebo diperbuat daripada kayu apa?
- B. Apakah kegunaan gazebo?
- C. Adakah gazebo tahan lama dan kukuh?
- D. Adakah gazebo tahan lasak walaupun terdedah kepada cuaca panas atau hujan?

27. Pilih ayat tanya yang betul berdasarkan dialog yang diberi.

Sang Harimau: _____ ?

Sang Memerang : Rumah saya dihanyutkan oleh air sungai yang deras ini.


- A. Mengapakah kamu menangis?
- B. Adakah kamu sedang menangis?
- C. Bolehkah kamu menangis?
- D. Siapakah yang sedang menangis?

28. Elva berbaju _____ kerana cuaca dingin.

- A. tebal
- B. tinggi
- C. nipis
- D. rendah

29. Di ruang bacaan itu ada sebuah meja _____.

- A. segi tiga
- B. bengkok
- C. segi empat
- D. bulat




30. Pengawas itu _____ orangnya.

- A. renek
- B. panjang
- C. tebal
- D. tinggi

31. Tiang telefon itu telah _____.

- A. lonjong
- B. lurus
- C. bengkok
- D. kempis



32. Pilih ayat dengan tanda baca yang betul.

- A. Pada cuti sekolah yang lalu, Ai Ling dan keluarga berkunjung ke zoo negara.
- B. Pada cuti sekolah yang lalu, Ai Ling dan keluarga berkunjung ke Zoo Negara.
- C. Pada cuti sekolah yang lalu, Ai ling dan keluarga berkunjung ke Zoo negara.
- D. Pada cuti sekolah yang lalu ai ling dan keluarga berkunjung ke zoo negara?

33. Pilih ayat dengan tanda baca yang betul.

- A. Saya belajar di SJK (C) DESA JAYA 2.
- B. saya belajar di sjk (c) desa jaya 2
- C. Saya belajar di SJK (C) desa jaya 2.
- D. Saya belajar di SJK (C) Desa Jaya 2.

34. Pilih ayat dengan tanda baca yang betul.

- A. Bilakah Kumar dan keluarganya akan ke Pulau redang?
- B. Bilakah kumar dan keluarganya akan ke pulau redang!
- C. Bilakah Kumar dan keluarganya akan ke Pulau Redang?
- D. Bilakah Kumar dan keluarganya akan ke pulau redang?

35. Encik Bintang meminta Kalang mencari maklumat tentang kolam ikan _____ Internet.

- A. daripada
- B. kepada
- C. dari
- D. pada

36. Vinod memeriksa kasut but sebelum memakainya untuk memastikan tiada benda asing _____ dalam kasut but itu.

- A. ke
- B. di
- C. daripada
- D. kepada

37. Orang ramai mengambil kesempatan membeli barang keperluan _____ hari cuti.

- A. pada
- B. ke
- C. di
- D. dari

38. Pilih ayat dengan penggunaan kata sendi nama yang betul.
- A. Klinik itu dibuka hingga pukul 10 malam.
 - B. Tawaran itu dibuka di hari ini sahaja.
 - C. Goh Min mengulang kaji pelajaran ke pagi.
 - D. Abang Nora mengepos surat ke sahabat penanya.
39. "Maafkan _____ kerana terlewat, cikgu," kata Mei Ling dan Bavani kepada Cikgu Sim.
- A. kita
 - B. kami
 - C. patik
 - D. saya
40. "Sudahkah _____ siapkan latihan itu?" tanya Cikgu Tan kepada murid-muridnya.
- A. kamu
 - B. kalian
 - C. kami
 - D. awak

Arahan: Baca petikan di bawah. Kemudian, pilih jawapan yang paling sesuai berdasarkan petikan di bawah.

Kicap merupakan sejenis perisa makanan tambahan yang berwarna hitam. Kicap juga digunakan sebagai penambah selera sewaktu makan. Kicap diperbuat daripada kacang soya yang diperam serta diproses dalam jangka masa tertentu. Pembuatan kicap di Malaysia dipelopori oleh kaum Cina tetapi menjadi kegemaran kaum-kaum lain.

Rasa asas kicap adalah masin. Namun begitu, terdapat juga jenis kicap lain seperti kicap cair, kicap manis, kicap lemak manis dan kicap pekat. Makanan yang berasaskan kicap ini digemari ramai dan mendapat permintaan yang tinggi. Antara masakan yang menggunakan kicap adalah masakan mi, bihun, lauk-pauk dan kuah rojak.

Kicap yang telah tamat tempoh mempunyai rasa dan bau yang tengik serta berbahaya untuk kesihatan. Oleh kerana kandungan garam yang tinggi, penggemar kicap dinasihati supaya mengawal pengambilan makanan berkicap. Ini untuk mengelakkan penyakit seperti darah tinggi dan hipernatremia.




41. Kicap ialah _____.
- A. sejenis perisa makanan tambahan yang berwarna hitam
 - B. kuih tradisional turun temurun masyarakat Melayu.
 - C. makanan tradisional masyarakat Cina
 - D. buah-buahan tempatan Sarawak.
42. Apakah bahan yang digunakan untuk membuat kicap?
- A. beras
 - B. tepung gandum
 - C. kacang soya
 - D. santan pekat
43. Siapakah yang mempelopori penghasilan kicap di negara kita?
- A. kaum Melayu
 - B. kaum Cina
 - C. kaum Iban
 - D. kaum India
44. Antara masakan berikut, yang manakah **tidak** menggunakan kicap?
- A. bihun
 - B. kuah rojak
 - C. sup ayam
 - D. mi goreng
45. Antara berikut, yang manakah **bukan** kegunaan kicap?
- A. penambah selera
 - B. menyedapkan makanan.
 - C. memberi warna pada masakan.
 - D. menyihatkan badan.

Arahan: Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Di Malaysia, terdapat pelbagai jenis wau. Antaranya wau bulan, wau kucing dan wau jala budi. Wau bulan antara jenis wau yang paling popular di Malaysia. Wau bulan lebih besar berbanding dengan wau lain. Warna wau terang dan coraknya yang unik menjadi tarikan.

Bahan-bahan yang diperlukan untuk membuat wau bulan ialah buluh, kulit rotan, kertas warna dan gam. Terdapat lima bahagian asas bagi sesebuah wau bulan. Bahagian-bahagian itu ialah kepala wau, busur atau dengung, sayap, bahagian pinggang dan ekor.

Wau bulan berbentuk separa bulatan pada bahagian hadapan dan menyerupai bulan sabit pada bahagian ekornya. Bentuk wau bulan menjadi lambang Sistem Penerbangan Malaysia (MAS).



46. Berdasarkan petikan, _____ merupakan wau paling digemari oleh orang Melayu di Malaysia.

- A. wau helang
- B. wau bulan
- C. wau kucing
- D. wau jala budi

47. Berdasarkan jawapan anda di Soalan 1, mengapakah wau tersebut menjadi tarikan orang ramai di Malaysia?
- A. kerana namanya yang unik.
 - B. kerana warnanya yang terang dan coraknya yang unik
 - C. Kerana saiznya yang lebih besar berbanding wau lain.
 - D. kerana bentuknya yang menyerupai bulan sabit pada bahagian ekor.
48. Berdasarkan petikan, apakah bahan-bahan yang diperlukan untuk membuat wau bulan?
- | | |
|-----------------|-----------------|
| I. kertas warna | II. kulit rotan |
| III. buluh | IV. suratkhabar |
- A. I dan II
 - B. II dan III
 - C. I, II dan III
 - D. Semua di atas
49. Berikut merupakan bahagian-bahagian asas bagi sesebuah wau bulan, **kecuali**
- | | |
|-----------|---------|
| A. sayap | B. ekor |
| C. kepala | D. kaki |
50. Selain menjadi lambang Sistem Penerbangan Malaysia (MAS), wau bulan juga menjadi lambang _____.
- | | |
|---------------------|---------------------|
| A. wang kertas RM 1 | B. syiling 10 sen |
| C. kereta PROTON | D. pasar raya Tesco |

Jawapan

- | | |
|-------|-------|
| 1. B | 43. B |
| 2. D | 44. C |
| 3. A | 45. D |
| 4. A | 46. B |
| 5. C | 47. B |
| 6. B | 48. C |
| 7. C | 49. D |
| 8. C | 50. A |
| 9. B | |
| 10. A | |
| 11. C | |
| 12. A | |
| 13. A | |
| 14. B | |
| 15. D | |
| 16. C | |
| 17. D | |
| 18. A | |
| 19. A | |
| 20. D | |
| 21. C | |
| 22. A | |
| 23. D | |
| 24. A | |
| 25. B | |
| 26. B | |
| 27. A | |
| 28. A | |
| 29. D | |
| 30. D | |
| 31. C | |
| 32. B | |
| 33. D | |
| 34. C | |
| 35. A | |
| 36. B | |
| 37. A | |
| 38. A | |
| 39. B | |
| 40. B | |
| 41. A | |
| 42. C | |